

## Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) UTHM Dapat Akreditasi Penuh CIOB



Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) di bawah Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP), Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mendapat akreditasi penuh tanpa syarat selama lima tahun oleh Chartered Institute of Building (CIOB), United Kingdom.

BATU PAHAT, 2 Jan -- Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) di bawah Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP), Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mendapat akreditasi penuh tanpa syarat selama lima tahun oleh Chartered Institute of Building (CIOB), United Kingdom.

Program ini telah diakreditasi oleh panel akreditasi CIOB iaitu Michael Daws dari CIOB, United Kingdom, dan tiga orang wakil CIOB Malaysia; presiden CIOB Ong Bok Siong FCIOB, pengerusi Novus; Kong Weng Keong MCIOB; dan Setiausaha CIOB, Audrey Chen pada 1 Disember lalu.

Akreditasi CIOB ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai kekuatan program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) untuk mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Terdapat empat aspek penting yang dinilai melalui akreditasi CIOB ini iaitu aspek pertama melibatkan penilaian sistem pengurusan program yang meliputi struktur dan kurikulum program, kaedah penilaian, pemarkahan, dan juga penambahbaikan program berserta jaminan kualiti.

Aspek kedua adalah penilaian terhadap staf akademik, dan staf sokongan termasuk penolong jurutera yang membantu dalam pelaksanaan program ini. Perkembangan kerjaya dan penyelidikan yang dilakukan oleh kumpulan ini amat dititikberatkan dan dinilai dengan sewajarnya oleh panel akreditasi CIOB.

Manakala aspek ketiga pula merupakan penilaian terhadap tahap pembelajaran pelajar bagi program ini. Selain itu pengalaman pelajar, kemudahan dan sokongan berbentuk kewangan dan bukan kewangan yang diperolehi mereka sepanjang tempoh pengajian turut dinilai.

Sementara itu, panel Akreditasi CIOB turut membuat semakan terhadap tugas-tugas yang telah dan sedang dilakukan oleh para pelajar program ini.

Kemudahan dan fasiliti di FPTP khususnya, serta UTHM amnya merupakan aspek keempat yang dinilai oleh kumpulan panel akreditasi tersebut.

Antara fasiliti yang dilawati dan dinilai oleh Panel CIOB ialah bilik dan dewan kuliah, makmal komputer, makmal amali, serta perpustakaan universiti.